MPKj.PKUB.400-5/1/6(9)(S) Jld.2
6 November 2026

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK),** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/Syarikat juga diwajibkan memiliki Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*-TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berstatus **'PATUH'** dan masih dalam tempoh sah laku, serta berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** yang masih sah buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S148/2026	Cadangan Kerja-Kerja Membina Sebuah Gelanggang Serbaguna Di Jalan Ecohill 7/2, Ecohill 2, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G1 (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	CE21	RM100.00	10 November 2026 Hingga 24 November 2026
MPKj S149/2026	Pembelian Mesin Ringan Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2026	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	130101/ 130102/ 130199		

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di **https://www.mpkj.gov.my/index.php/ms/.**

Penyebut harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang https://tender.selangor.my dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Penyebut harga adalah diwajibkan membuat pendaftaran sebagai kontraktor/syarikat di dalam sistem e-QTender secara dalam talian melalui pautan ini https://eqtender.mpkj.gov.my/Account/Register#registration.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Dimaklumkan laman sesawang **Sistem Tender Online Selangor akan ditamatkan** perkhidmatannya pada **6 November 2026** dan akan dinaik taraf kepada **Sistem Perolehan Selangor** yang dijangka akan mula beroperasi pada **16 November 2026**. Sehubungan dengan itu, para pembekal dan syarikat perlu merujuk laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melalui www.mpkj.gov.my untuk sebarang maklumat berkaitan **Sebut Harga dan Tender oleh MPKj.**

Pembelian Dokumen Tawaran ini adalah secara fizikal di Kaunter Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 4, Menara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Bayaran bagi Dokumen Tawaran boleh dibuat secara tunai atau dalam bentuk Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Draf Bank yang dibuat atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang (tidak akan dikembalikan). Sila bawa bersama sijil asal dan salinan sijil semasa membuat pembelian dokumen tawaran.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **10 NOVEMBER 2026 HINGGA 24 NOVEMBER 2026.** Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN
Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 24 NOVEMBER 2026 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.